

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memastikan kualiti graduan tidak terjejas semasa tempoh pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat mengambil berat terhadap kualiti graduan dan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya semasa pandemik Covid-19.

Secara umumnya, antara fokus yang dilaksanakan oleh KPT adalah:

- i. **Penyediaan platform komunikasi yang baik** bagi sesi PdP. Bagi maksud ini, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah mengoptimalkan penggunaan platform seperti *Open Educational Resources (OER)*, *Open CourseWare (OCW)*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)* dan *Learning Management System (LMS)* untuk memastikan sesi pembelajaran secara maya dapat dijalankan dengan berkesan;
- ii. **Pembangunan kandungan modul pembelajaran yang berkualiti.** Kementerian melalui Unit Jaminan Kualiti di Universiti Awam dan Majlis Ketua Penyelaras E-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) memantau secara dekat kualiti modul pembelajaran dalam talian dan keberkesanan sesi PdP yang dijalankan. Penambahbaikan secara berterusan turut dilaksanakan terhadap kandungan dan kaedah penyampaian;
- iii. **Penyediaan kapasiti jalur lebar di IPT yang lebih tinggi** bagi membolehkan pensyarah dan pelajar mendapat akses internet dengan lebih baik melalui inisiatif *Malaysian Research & Education Network (MYREN)*. Inisiatif ini meningkatkan kapasiti jalur lebar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) kepada antara 500Mbps hingga 10Gbps dengan peruntukan sebanyak RM50 juta;
- iv. **Bantuan kemudahan peranti dan pelan data kepada pelajar.** Bagi tujuan ini, kementerian telah menyediakan:-
 - a. Bantuan RM50 secara *one-off* untuk langganan awal pelan data dengan peruntukan sebanyak RM3.8 juta kepada 76,153 pelajar baharu sesi Akademik 2020/2021.

- b. Bantuan berbentuk sumbangan pelan data bagi capaian internet kepada 320,396 pelajar dan bantuan pemilikan peranti kepada 8,965 pelajar daripada kalangan keluarga B40 di universiti-universiti awam yang diagihkan bermula 30 September 2020. Anggaran keseluruhan inisiatif ini adalah berjumlah RM37.4 juta.
- c. Menyediakan pakej istimewa pelan data dan peranti dengan kerjasama lima (5) syarikat telekomunikasi iaitu Celcom, Maxis, Digi, TM(unifi) dan U Mobile; serta enam (6) syarikat pembekal peranti iaitu Acer, Samsung, Apple Education Store, Dell, Huawei dan Lenovo kepada pelajar IPT.
- v. **Peningkatan keupayaan dan kemahiran pensyarah mengendalikan sesi PdP.** Kementerian melalui IPT melaksanakan latihan peningkatan kapasiti secara berterusan kepada pensyarah sepanjang tahun 2020 sehingga 2021 bagi peningkatan kemahiran pengajaran secara dalam talian. Antara latihan yang telah dijalankan adalah *The Guide to Challenge Based Learning, Effective e-Assessment, Online Pedagogy, Pembudayaan Pembelajaran Digital Melalui Open & Distance Learning (ODL)* dan banyak lagi.
- vi. **Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran Semasa dan Pasca Covid-19.** KPT melalui MQA telah mengeluarkan beberapa garis panduan atau *Advisory Note* berhubung Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Garis panduan ini adalah penting untuk memastikan penilaian dan kaedah pembelajaran dapat terus dilaksanakan dengan berkesan tanpa mengabaikan kualiti dan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.